

HARI :

TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DALAM BUKU NOTA

4.6

Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British

Nota

1. Sabah di bawah British Military Administration (BMA).
 - (a) Sabah diletakkan di bawah BMA untuk memulihkan keamanan dan ketenteraman negeri.
 - (b) BMA telah membuka semula kemudahan sosial seperti sekolah dan hospital.
 - (c) Selain itu, BMA juga memperbaiki sistem pengangkutan dan perhubungan.
 - (d) Pemerintahan BMA tamat pada 15 Julai 1946 apabila Sabah menjadi tanah jajahan British.
2. Faktor penyerahan Sabah kepada kerajaan British oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dipengaruhi oleh faktor berikut
 - (a) Masalah kewangan
 - (i) Syarikat Borneo Utara British (SBUB) tidak mampu memulihkan kerosakan yang dialami semasa pendudukan Jepun.
 - (ii) Penyerahan Sabah kepada British juga diharapkan dapat mengatasi masalah kekurangan dana untuk membangunkan ekonomi Sabah.
 - (b) Hubungan baik antara Sabah dengan kerajaan British
 - (i) Sabah merupakan negeri naungan British sejak 1888.
 - (ii) Perhubungan luar dan pertahanan Sabah dikuasai oleh kerajaan British.
 - (c) Mengeksplotasi sumber kekayaan bumi
 - (i) British terpaksa memberi kemerdekaan kepada tanah jajahannya seperti Sri Lanka, India dan Burma.
 - (ii) Sabah diharapkan dapat mengambil alih peranan negara-negara tersebut sebagai pembekal bahan mentah dan pasaran bagi barangan British.